

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

YBP 302 - Penilaian Bahan-Bahan Komunikasi
Untuk Pembangunan

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Andaikan anda diminta oleh Kementerian Pendidikan untuk menilai projek perintis sains melalui komputer yang telah dilaksanakan oleh lima sekolah terpilih di Pulau Pinang. Projek ini hanya melibatkan pelajar sains tingkatan enam.

- (a) Tentukan tujuan dan pembolehubah kajian.
- (b) Takrifkan pembolehubah kajian dan tunjukkan perkaitannya dengan soalan temutanya ataupun soalselidik.
- (c) Huraikan rangka ujikaji yang anda akan gunakan untuk menjalankan kajian tersebut. Terangkan bagaimana 5 'ancaman' kesahihan dalaman dikawal dalam kajian anda.

(40 markah)

2. Terangkan kegunaan $\min \bar{x}$, purata sisihan s^2 , ujian t dan khi-kuasa dua (χ^2). Berdasarkan data berikut, hitung (a) frekuensi sangkaan dan (b) nilai .

Taraf Pemilikan Tanah

Keahlian dalam Pertubuhan Peladang	Tarf Pemilikan Tanah		
	Pemilik Tanah	Penyewa Tanah	Pemilik/Penyewa Tanah
Ya	30	8	22
Tidak	10	28	14

(30 markah)

...2/-

3. Terangkan lima fungsi penilaian yang dikenalpastikan oleh Frank Lynch. Berikan satu contoh untuk menerangkan setiap fungsi penilaian.


Dengan menggunakan masalah dalam soalan 1, huraikan jenis kaedah penilaian (selain daripada kaedah tinjauan) untuk mengesan pelaksanaan (monitoring) projek tersebut.

(30 markah)


4. Bandingkan rajah (i) dan (ii) dan jawab soalan berikut:

- (a) Adakah susutan dalam kadar kemalangan menunjukkan bahawa kempen kawalan trafik berkesan? Terangkan.
- (b) Apakah yang dimaksudkan dari istilah 'kesan regression'? Apakah perkaitan antara 'kesan regression' dengan aliran yang terdapat dalam rajah (ii)?

Rajah (i)



Rajah (ii)



(30 markah)

-oooOooo-